

Tenaga akademik UMS perlu ada PhD

► Bagi melayakkan mereka mengajar dan melahirkan graduan yang berkualiti

Oleh YAP SIONG HAN

sionghan_yap@yahoo.com

UB 29.5.2013 04

ADALAH penting bagi tenaga pengajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendapat kelulusan Doktor Falsafah (PhD) untuk lebih melayakkan mereka mengajar dan melahirkan graduan yang berkualiti.

Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah UMS pertama, Tan Sri Abdul Hamid Ego berkata kemahiran berkualiti yang terdapat pada seseorang graduan itu adalah bergantung kepada kualiti tenaga pengajarnya.

“Saya yakin Naib Cancellor yang baru, Datuk Prof Harun Abdullah, mampu mencapai objektifnya untuk menjadikan UMS sebagai salah sebuah institusi unggul dalam bidang penyelidikan dan pembangunan di masa



HAMID (dua kanan) menyerahkan buku tugas kepada Zaki sambil diperhatikan oleh Harun (kanan) dan Abdullah (dua kiri).

hadapan.

“Walau bagaimanapun, kini UMS mempunyai seramai 815 tenaga akademik yang mana hanya 41 peratus daripadanya adalah pemegang PhD,” katanya di majlis apresiasinya di Kota Kinabalu malam Isnin lalu.

Hamid berkata, sasaran dalam perancangan strategik UMS tahun 2013 hingga 2017 bukan sahaja memampankan kecemerlangan UMS tetapi juga membolehkan institusi

itu terkenal di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, Harun merakamkan jutaan penghargaan kepada Hamid yang telah berkhidmat di UMS selama 18 tahun.

“Antara sumbangan terbesar beliau adalah memperkenalkan konsep ‘Town and Gown’ di Bandaraya Kota Kinabalu.

“Ia adalah sejenis perarakan berjubah di sekitar bandaraya oleh graduan sebelum bermulanya acara

konvokesyen,” katanya.

Beliau berkata, Hamid juga mencetuskan ilham dalam menghasilkan buku berjudul ‘The Rules of Social Behaviour for UMS; Etiquette for staff and Student’.

Turut hadir di majlis itu ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UMS yang baru, Datuk Seri Zaki Azmi dan Pendaftar UMS, Lt Kol Datuk Abdullah Mohd Said serta tetamu kehormat yang lain.